

# PM mahu PKS saing pasaran antarabangsa

BH - 28/1/2006

## Usahawan tempatan diminta bantu tingkatkan KDNK

Oleh Mutazar Abd Ghani dan Zainab Md Yatim

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan meningkatkan kapasiti serta kebolehan untuk bersaing di pasaran antarabangsa, sekali gus memberikan sumbangan bermakna kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Perdana Menteri berkata, ketika ini sumbangan PKS tempatan kepada KDNK masih rendah iaitu sekitar enam peratus, berbanding 30 hingga 40 peratus di negara maju seperti Jerman, Jepun dan Korea Selatan.

Katanya, keputusan awal bancian Jabatan Perangkaan Negara yang dijangka siap Jun ini menunjukkan kebanyakan PKS di negara ini masih kecil, dengan 81 peratus daripada mereka adalah usahawan mikro dan mempunyai tidak lebih daripada lima pekerja sepenuh masa.

"Untuk memberikan sumbangan lebih bermakna kepada KDNK, saya berpandangan bahawa usahawan

PKS tempatan harus terus meningkatkan kapasiti dan kebolehan mereka.

"Peningkatan kapasiti boleh dilakukan menerusi pelbagai cara, termasuk penggunaan teknologi terkini bagi memudahkan proses penyampaian khidmat dan produk, supaya PKS dapat bersaing di pasaran antarabangsa yang lebih luas serta terbuka," katanya ketika merasmikan SME Bank Bhd di sini, semalam.

Teks ucapan Perdana Menteri dibacakan timbalannya, Datuk Seri Najib Razak.

Abdullah berkata, kerajaan memperkenalkan dan melaksanakan beberapa inisiatif dan program bagi menyokong serta mengembangkan pembangunan PKS, termasuk peruntukan RM3.8 bilion bagi meningkatkan daya asing untuk mereka menerokai pasaran global.

Katanya, daripada jumlah itu, RM1 bilion diperuntukkan kepada SME Bank dan bakinya diagihkan kepada badan serta agensi kerajaan lain.

Beliau berkata, pada 2004, jumlah syarikat tempatan yang dikategori-

kan sebagai PKS bertambah 5.7 peratus dan dijangka berkembang pada kadar sama pada tahun lalu.

"Selain usaha gigih usahawan, saya percaya prestasi itu sedikit sebanyak hasil pelbagai inisiatif dan bantuan diberikan kerajaan termasuk kemudahan pembiayaan, kadar faedah rendah, nasihat teknikal, pemasaran serta promosi," katanya.

Perdana Menteri turut menyarankan SME Bank memastikan PKS memperoleh perkhidmatan yang di-

perluan dalam jangka terdekat, selain pakej pembiayaan dan latihan konvensional.

"Saya minta pengurusan SME Bank memperkenalkan produk kewangan inovatif bagi memudahkan pinjaman kepada sektor PKS.

"Sebagai contoh, saya percaya pakej pinjaman yang tidak bergantung kepada cengkera yang tinggi dan pembayaran balik berdasarkan aliran tunai akan disambut baik usahawan PKS," katanya.

Abdullah berkata, usaha melahirkan usahawan bukan saja memerlukan komitmen dan sokongan kerajaan semata-mata, malah ia turut menuntut kesungguhan serta daya usaha usahawan itu sendiri.

Sehubungan itu, beliau meminta usahawan PKS memanfaatkan segala kemudahan yang disediakan dengan baik, tapi tidak sekali-kali mengangapnya sebagai satu keistimewaan berkekalan.

"Anggapan sedemikian boleh membawa kepada sikap cuai, leka dan mencari jalan mudah atau singkat untuk berjaya," katanya.

### FAKTA NOMBOR

## RM3.8b

Peruntukan bagi menerokai pasaran global

## RM1b

Peruntukan diberikan kepada SME Bank